

08 MAY 2002

Mahathir-MCA (bergambar)/I

DR MAHATHIR GEMBIRA RANCANGAN DAMAINYA UNTUK MCA DITERIMA

PUTRAJAYA, 8 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira rancangan damainya untuk dua puak yang bertelagah dalam MCA telah diterima termasuk oleh pemimpin kedua-dua pihak.

Perdana Menteri berkata anggota-anggota MCA kini boleh mengetepikan perbalahan mereka dan bekerja untuk mengukuhkan parti.

"Sebagai anggota kanan dalam Barisan Nasional, MCA perlu terus kuat untuk menjamin BN sentiasa stabil," katanya kepada 500 orang dari 200 persatuan Cina yang berhimpun di Laman Putra di sini sebagai tanda sokongan mereka kepada usaha beliau menyelesaikan krisis dalam MCA itu.

Dr Mahathir berkata bahawa semasa masalah dalam MCA mula timbul, beliau berpendapat lebih baik beliau menyerahkan kepada pemimpin-pemimpin parti itu untuk menyelesaikan sendiri masalah itu.

"Tetapi apabila keadaan menunjukkan mereka tidak dapat menyelesaikan masalah itu tanpa sedikit pertolongan, saya pun membuat beberapa cadangan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kedua-dua puak itu telah menerima cadangannya, dan hasilnya, parti itu kembali bersatu.

"Mereka (Team A dan Team B) telah berbincang dan mereka memberitahu saya bahawa mereka telah mendapat 90 peratus sokongan untuk satu saja senarai calon (untuk pemilihan parti)...yang bermakna tidak ada pertandingan," katanya.

Dr Mahathir menyeru pemimpin-pemimpin baru dalam MCA supaya melupakan perbalahan mereka yang lepas dan sebaliknya memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan parti.

"Yang penting ialah bukan siapa yang menang tetapi paling penting ialah MCA yang menang," katanya disambut tepukan gemuruh.

Dr Mahathir berkata MCA harus sentiasa kuat untuk kebaikan masyarakat Cina di negara ini.

Sebelum itu, Thomas Leong dari Persatuan Mahasiswa dan Professional Hainan Malaysia, memuji Dr Mahathir kerana peranan beliau dalam menyelesaikan krisis MCA itu.

Katanya masyarakat Cina tidak menganggap cadangan perdamaian itu sebagai campur tangan oleh Umno.

"Sebarang tanggapan sedemikian berniat jahat dan berbahaya," katanya.

Leong kemudian menyerahkan satu skrol mengandungi kata-kata dalam bahasa Cina yang bermaksud : "Jika seekor kuda diberikan tugas, ia akan menghasilkan kejayaan gemilang".

Katanya "Ma" dalam bahasa Cina bermaksud kuda dan merujuk kepada "Mahathir".

-- BERNAMA

AKT AT AHH MAI